

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**  
**[ LANANG ]**

**TARIKH** : **19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap UBER yang mana pengusaha-pengusaha menggunakan kenderaan peribadi untuk tujuan komersial yang telah menjejaskan mata pencarian pemandu-pemandu teksi dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menurunkan tambang teksi memandangkan tambang yang dikenakan oleh UBER adalah jauh lebih rendah daripada teksi serta apakah langkah-langkah untuk mengelakkan kegiatan jenayah oleh pengusaha UBER yang mungkin akan berlaku pada masa kelak.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menjalankan satu makmal transformasi teksi bersama agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak berkepentingan terutamanya dalam industri ini (*industry player*). Hasil daripada makmal tersebut, S.P.A.D telah memuktamadkan beberapa cadangan inisiatif penambahbaikan industri teksi secara menyeluruh. Kesemua cadangan inisiatif-inisiatif ini sedang diperhalusi dan Kerajaan akan membuat keputusan pada masa terdekat.

2. Antara inisiatif yang dicadangkan termasuklah merangka polisi baru bagi mengawal selia dan memantau sistem tempahan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih. Beberapa syarat dan piawaian akan diperkenalkan bagi memastikan semua penyedia aplikasi ini menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pengguna dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pemandu. Selain itu, ia juga boleh menjadi penyelesaian yang adil dan saksama bagi semua pemain industri (*industry player*) untuk bersaing secara lebih sihat. Ini secara langsung akan meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dan sekali gus akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuklah pemandu dan juga pengguna.

3. Dalam pada itu, kadar tambang teksi yang telah ditetapkan adalah berdasarkan tambang siling. Penyedia perkhidmatan (teksi) boleh mengenakan tambang yang lebih rendah dalam bentuk diskaun jika ia mampu untuk memberikan keuntungan kepada pemandu berkenaan. Pada masa ini, belum ada perancangan untuk menurunkan kadar tambang siling ini.

Sekian, terima kasih.